

29/04/1998

Anugerah tokoh Maal Hijrah diselang-seli

KUALA LUMPUR, Selasa - Anugerah tokoh Maal Hijrah tidak diadakan tahun ini kerana ia dibuat secara berselang-seli dan bukan disebabkan ia sebahagian daripada langkah berjimat cermat yang dilaksanakan kerajaan.

"Memang kita selangkan anugerah ini dan tiada percanggahan. Anugerah itu bukan kerana langkah berjimat kerana ia tidak membabitkan wang yang banyak," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah 1419H yang dirasmikan Yang Dipertuan Agong, Tuanku Ja'afar di Dewan Muktamar, Pusat Islam di sini, hari ini.

Bertemakan Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita, sambutan Maal Hijrah tahun ini diadakan secara sederhana sesuai dengan langkah berjimat cermat oleh kerajaan berikutan masalah ekonomi yang kini melanda negara.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, anggota Kabinet, timbalan menteri dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Sejak anugerah tokoh Maal Hijrah mula diperkenalkan 12 tahun lalu, hanya pada 1992 (1413H) dan 1996 (1417H) tiada penganugerahan. Penerima pertama anugerah itu ialah Allahyarham Syeikh Mohd Idris Abdul Rauf Marbawi (1986 - 1408H).

Pada tahun berikutnya (1987-1409H) tokoh Maal Hijrah dianugerahkan kepada Prof Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim, Tan Sri S O K Ubaidullah (1988-1410H), Prof Tan Sri Muhammad M Abdul Rauf (1989 - 1411H).

(END)